

UNTUK SIARAN SEGERA



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

KENYATAAN MEDIA

KEPUTUSAN PEPERIKSAAN SIJIL TINGGI AGAMA MALAYSIA TAHUN 2025

Kementerian Pendidikan (KPM) memaklumkan bahawa keputusan peperiksaan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) Tahun 2025 akan dikeluarkan pada **05 Februari 2026 (Khamis)**. Seramai 4,443 calon telah mendaftar untuk menduduki peperiksaan STAM Tahun 2025 di 135 buah pusat peperiksaan seluruh negara.

Calon sekolah boleh memperoleh keputusan peperiksaan STAM Tahun 2025 daripada sekolah masing-masing **mulai pukul 10:00 pagi** pada tarikh tersebut. Bagi calon persendirian, calon boleh menghubungi jabatan pendidikan negeri tempat calon mendaftar untuk menduduki peperiksaan bagi memperoleh keputusan peperiksaan.

Pihak sekolah hendaklah memastikan pengurusan penyerahan keputusan peperiksaan STAM Tahun 2025 kepada calon dilaksanakan secara cekap dan teratur.

Calon sekolah dan calon persendirian juga boleh membuat semakan keputusan peperiksaan melalui kaedah berikut:

- i. Secara dalam talian di pautan **myresultstam.moe.gov.my** untuk mendapatkan slip keputusan peperiksaan STAM Tahun 2025 mulai pukul 10:00 pagi pada 05 Februari 2026 (Khamis) sehingga pukul 6:00 petang pada 11 Februari 2026 (Rabu); dan/atau
- ii. secara **sistem pesanan ringkas (SMS)** untuk mendapatkan ringkasan keputusan peperiksaan STAM Tahun 2025 dengan menaip **STAM<jarak>NoKP<jarak>AngkaGiliran** dan **hantar ke 15888**. Sistem ini akan diaktifkan mulai pukul 10:00 pagi pada 05 Februari 2026 (Khamis) sehingga pukul 6:00 petang pada 11 Februari 2026 (Rabu).

Syabas dan tahniah diucapkan kepada semua calon peperiksaan STAM Tahun 2025. Semoga kejayaan yang diraih menjadi pemangkin untuk terus melakar kecemerlangan pada masa hadapan.

TAMAT

KEMENTERIAN PENDIDIKAN
31 JANUARI 2026